



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **281 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini merupakan jumlah discaj tertinggi yang pernah dicatat setakat ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,975 kes** (83.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 9 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **7 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,336 kes**. Oleh itu,

jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,244 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada tujuh (7) kes baharu yang dilaporkan, enam (6) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Sukacita dimaklumkan bahawa pada hari ini, **tiada kes penularan** dalam negara dicatatkan di kalangan warganegara Malaysia. Satu (1) kes penularan di dalam negara adalah seorang pekerja bukan warganegara (iaitu kes saringan untuk mula berkerja).

Sehingga kini, sebanyak enam (6) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, satu (1) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **117** kes (1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

**RAKYAT MALAYSIA DIHARAP TERUS MEMATUHI
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)**

Seperti dimaklumkan, tiada kes penularan dalam negara di kalangan warganegara dicatatkan pada hari ini. Ini merupakan

pencapaian yang boleh dibanggakan oleh Negara, setelah pelbagai usaha dilaksanakan bersama-sama oleh semua pihak dengan menggunakan pendekatan seluruh jentera Kerajaan dan masyarakat (*the whole of Government and society approach*).

KKM telah menggunakan maklumat terbaharu daripada jumlah kes-kes harian penularan dalam negara di kalangan warganegara dan membandingkannya dengan graf pemodelan COVID-19 seperti yang telah diramal oleh Institut Kesihatan Negara (NIH), KKM, didapati ianya adalah sejajar dengan unjuran kes harian dalam pemodelan tersebut (kawasan biru) (Lampiran 2). Ini sememangnya menggambarkan impak positif tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan serta pematuhan Rakyat Malaysia terhadap SOP dan saranan yang diberikan Kerajaan.

Pihak KKM ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia di atas kerjasama dengan pihak Kerajaan bagi pencapaian ini, dalam usaha kita untuk sama-sama membendung penularan jangkitan COVID-19. Namun begitu, masyarakat harus kekal waspada dan terus patuh kepada SOP serta saranan yang ditetapkan bagi memastikan tiada peningkatan kes COVID-19 di kalangan masyarakat setempat.

Menuju kepada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang akan bermula pada 10 Jun 2020, ini

adalah ujian sebenar terhadap tahap disiplin sendiri dan sosial di kalangan masyarakat, dengan harapan kita dapat terus memutuskan rantai jangkitan COVID-19 di Malaysia.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM menyeru kerjasama daripada setiap individu agar kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 dan memastikan rantai jangkitan COVID-19 diputuskan di Negara. Antara amalan-amalan yang disarankan adalah:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (***face mask***) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;

- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 Jun 2020 @ 5.00 petang


**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 9 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	256
SELANGOR	3 (3)	1,971
NEGERI SEMBILAN	0	911
MELAKA	0	235
JOHOR	0	676
PAHANG	0	363
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	0	355
SARAWAK	0	555
W.P. KUALA LUMPUR	4 (3)	2,398
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	7 (6)	8,336

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perbandingan Kes Harian COVID-19 (sehingga 8 Jun 2020) Berbanding Unjuran Pemodelan pada 21 Mei 2020



8 Jun 2020